

07 AUG 1996

WARTAWAN BERNAMA DI LABUAN MENINGGAL DUNIA

KOTA KINABALU, 7 Ogos (Bernama) -- Wartawan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) di Labuan, Encik Govind Alagasari, meninggal dunia pagi semalam di rumahnya di Kampung Keruang, Labuan dipercayai akibat serangan jantung.

Beliau berusia 49 tahun.

Menurut isterinya Eileen Rose Abeysundra, Govind dikejarkan ke Hospital Labuan selepas ditemui tidak bangun daripada tidur kira-kira pukul 6 pagi semalam dan disahkan doktor telah meninggal dunia.

Jenazah beliau dikebumikan pukul 1 petang ini di sebuah tanah perkuburan di Labuan.

Govind, seorang graduan ekonomi dan berasal dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan berkhidmat sebagai pemberita daerah bagi Bernama sejak 1987 dan membuat pelbagai liputan berita di pulau itu, khususnya dalam bidang ekonomi.

Beliau juga seorang penulis dan menghasilkan buku bertajuk "Mahathir: The Awakening" -- sebuah buku yang mengumpulkan ucapan-ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Buku berkenaan dilancarkan isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tahun lepas.

Beliau juga dikatakan merancang untuk menulis buku keduanya mengenai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Govind meninggalkan dua orang anak. -- BERNAMA

JS RON